

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Pelan khas pembangunan jamin kelestarian alam sekitar berkekalan

Pelan khas pembangunan jamin kelestarian alam sekitar berkekalan



Oleh Prof Dr Mohd Ramzi Mohd Hussain
bhrencana@bh.com.my

Profesor Jabatan
Senibina Landskap,
Kulliyah Seni Bina
dan Reka Bentuk
Alam Sekitar
(KAED), Universiti
Islam Antarabangsa
Malaysia (UIAM)

Perancangan dan pembangunan perlu melatukkan peranan serta fungsi alam sekitar sebagai indikator utama, lebih-lebih lagi ketika kita menghadapi fenomena perubahan iklim mutakhir ini seperti hujan lebat tanpa henti yang mengakibatkan banjir besar dengan musim tengkujuh melampau menjelaskan semua aspek kehidupan rakyat dan negara.

Malah, kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang menjadi kesan penerokaan tidak terancang di kawasan tanah tinggi, semakin kerap berlaku hingga memberi kesan amat dahsyat kepada kelestarian alam sekitar di negara ini, apatah lagi sudah meragut nyawa.

Oleh itu, kesedaran dan kesungguhan pihak berkuasa tempatan (PBT) amat diperlukan untuk menangani isu sebegini yang pastinya akan berterusan hingga masa hadapan, sekali gus memberikan noktah penting kepada keseluruhan perancangan dan pembangunan lestari yang akan dilaksanakan.

Justeru, Malaysia memerlukan pelan tindakan khas yang boleh dijadikan undang-undang mandatori supaya pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dijadikan keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan.

Pelan khas ini memerlukan kerjasama pada peringkat negeri dan Persekutuan supaya kesepakatan dapat dicapai demi menjamin kelestarian alam sekitar berkekalan sebagai indikator kesejahteraan kehidupan rakyat.


Oleh itu, setiap perancangan bandar dan kawasan baharu perlu menitikberatkan keupayaan tumpungan sesiua kawasan agar setiap cadangan pembangunan bertepatan dan sesuai, malah dapat bertahan dalam jangka panjang tanpa menjegaskan alam sekitar.

Kawasan yang secara geografinya rendah dan

menjadi takungan air perlu dielakkan daripada disentuh pembangunan berimpak tinggi. Secara semula jadi, kawasan ini menjadi tempat takungan air hujan sementara sebelum air hujan mengalir ke sungai dan laut.

Elak pembangunan di rizab sungai, parit

Rizab kawasan sungai dan parit perlu dielakkan daripada segala bentuk pembangunan, malah kawasan berkenaan perlu dijaga dan dipulihara sebagai benteng utama banjir jika air hujan melimpah. Kawasan sekitar tebing sungai dan parit juga perlu ditanam tumbuhan bersesuaian untuk lebih kukuh menjaga kekuatan tebing dan kawasan sekitarnya.



Kejadian di Gunung Inas, Baling memberi kesan mendalam terhadap kelestarian alam sekitar. (Foto hiasan)

Selain itu, pelan khas itu perlu memastikan penerokaan kawasan hutan dihentikan serta-merta demi mengukuhkan kelestarian alam sekitar seimbang. Kejadian tanah runtuh banyak memberi pengajaran kepada kita bahawa penerokaan kawasan terbabit meninggalkan kesan sangat teruk kepada persekitaran. Malah, kejadian ini paling banyak meragut nyawa rakyat seperti dalam Tragedi Batang Kali baru-baru ini.

Kejadian seperti ini, malah yang berlaku di Gunung Inas, Baling memberi kesan mendalam terhadap kelestarian alam sekitar. Ini amaran jelas memerlukan tindakan untuk tidak lagi melakukan kesilapan ke atas keharmonian alam sekitar.

Isu penebangan hutan untuk ditanam semula dengan pokok durian perlu dilihat semula supaya pengekalan dan penanaman semula kepada tumbuhan asal di kawasan tanah tinggi perlu dikekalkan.

Ini akan dapat menjamin kekuatan bukit dan kawasan tanah tinggi. Tumbuhan asal ini bukan sahaja sesuai untuk kawasan tanah tinggi, malah kekuatan akar serta struktur tumbuhan ini ialah ciptaan Allah SWT khusus untuk menjadi pasak bumi di kawasan berkenaan. Jika ia diganggu dan dibuang dari habitat asalnya, natiyahnya seperti yang dapat kita lihat berlaku di Gunung Inas.

Oleh itu, sensitiviti alam sekitar perlu diangkat untuk menjadi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) khas buat negara ini. Walaupun elemen diterangkan itu sudah ada dalam SDG lain, negara memerlukan kriteria khas memfokuskan keperluan semasa negara untuk jangka panjang. Setidak-tidaknya, kita dapat lihat perancangan dan tindakan menyeluruh yang boleh serta perlu diambil segera.

Ini bukan sahaja untuk menjamin kelestarian kawasan terancang, bahkan menjadi indikator utama kepada perancangan persekitaran jangka panjang buat Malaysia. Kementerian terbabit perlu duduk bersama dengan PBT untuk merangka pelan khas sensitiviti alam sekitar buat Malaysia.